

26/06/1999

Jentera pilihan raya Umno sedia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jentera pilihan raya Umno di seluruh negara sudah bersedia digerakkan untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Beliau berkata, semua Umno bahagian sudah mempunyai jentera pilihan raya yang dianggotai jawatankuasanya manakala kemudahan logistik sudah tersedia.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata, Umno sudah mengumpulkan data dan maklumat mengenai sesuatu kawasan seperti isu yang sesuai diketengahkan apabila berkempen, sekali gus memudahkan penjelasan dilakukan kepada pengundi.

"Sebenarnya, semua Umno bahagian sudah ada jentera pilihan raya dan boleh bergerak pada bila-bila masa," katanya selepas menghadiri majlis Sepetang Bersama Menteri Penerangan anjuran Umno bahagian Cheras, di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata semua parti komponen BN diarahkan menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing serta-merta bagi menghadapi pilihan raya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN mahu semua pemimpin parti komponen melupakan perselisihan faham antara parti, jika ada, supaya masa dan tenaga dapat digembleng bagi memastikan kemenangan BN.

Khalil berkata, keseluruhan kawasan pilihan raya bergantung kepada kekuatan jentera pilihan raya Umno.

"Jika jentera Umno kuat, maka ia akan bergerak lancar," katanya sambil menegaskan mesyuarat penyelarasan dengan jentera pilihan raya komponen BN akan diadakan.

Mengenai pembangkang khususnya Pas yang sudah lama berkempen, Khalil berkata, parti itu sudah menampakkan keletihan akibat terlalu awal bergerak serta gagal menggunakan kegawatan ekonomi sebagai isu berikutan tanda pemulihan ekonomi sudah kelihatan.

"Mereka berkempen awal kerana mahu mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi tetapi kini mereka terperangkap. Kini mereka sudah nampak lemah kerana terpaksa menyelesaikan banyak perkara termasuk merangka manifesto bersama pembangkang lain," katanya.

Bagaimanapun, Khalil mengingatkan ahli Umno supaya tidak mengambil sikap mudah terhadap keupayaan pembangkang pada pilihan raya umum kali ini bagi memastikan kemenangan berpihak kepada BN.

Menurutnya, ahli Umno perlu menjadikan kekalahan calon BN di kawasan Parlimen Arau pada pilihan raya kecil kepada calon Pas, sebagai iktibar.

"Pada pilihan raya itu, ramai ahli Umno pergi ke sana (Arau) sehingga lupa siapa yang patut berkempen," katanya sambil memberi jaminan BN berupaya merampas semula Parlimen Arau pada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai Parti Keadilan Nasional yang dikatakan mempunyai pengaruh yang kuat di sekitar ibu negara, Khalil berkata, Umno mempunyai cara tersendiri untuk mendapatkan sokongan pengundi.

(END)